

MTD Properties lancar MTD Nexus 28 Industrial Park dan MTD Elysia Heights **Rumah mampu milik, taman perindustrian pintar di Melaka**

Liana Sahabudin

AYER KEROH - MTD Properties terus mengutamakan pembangunan mampan menerusi penyediaan kediaman mampu milik dan taman perindustrian pintar.

Selaras dengan komitmen itu, syarikat pemaju hartanah terkemuka itu melancarkan dua projek baharu di Ayer Keroh iaitu MTD Properties lancar MTD Nexus 28 Industrial Park dan MTD Elysia Heights sebagai sebahagian daripada pelan pembangunan menyeluruh di Taman Tasik Utama.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan MTD, Dr. Nik Fauzan Nik Faizul berkata, pelaburan ini bukan sekadar projek fizikal, bahkan mencerminkan hasrat syarikat untuk menyumbang pembangunan negeri yang lebih lestari, pintar dan berdaya huni.

"Kami mengambil tanggungjawab ini dengan penuh tekad untuk mem-



GIMIK pelancaran MTD Properties lancar MTD Nexus 28 Industrial Park dan MTD Elysia Heights di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh.

bangunkan produk hartanah yang mampu milik, berkualiti tinggi serta memberikan nilai jangka panjang kepada pemiliknya.

"Ini adalah manifestasi kepada hasrat Kumpulan MTD untuk menyumbang ke arah pembangunan Negeri Melaka selari dengan aspirasi Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ2035)

"MTD Nexus 28 Industrial Park dibangunkan

sebagai taman perindustrian moden lengkap dengan sistem pintar dan penyediaan panel solar fotovoltaik (PV).

"Manakala MTD Elysia Heights pula menawarkan konsep kediaman kontemporari untuk gaya hidup selesa dalam persekitaran strategik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian dan Pecah Tanah MTD Nexus



DR. Nik Fauzan menerangkan kepada Zulkiflee dan Sapiah mengenai projek dilaksanakan MTD Properties di Ayer Keroh.

28 Industrial Park serta Pra- Pelancaran MTD Elysia Heights di Pejabat Jualan Metacorp Properties, di sini, 14 Jun lalu.

Majlis perasmian itu disempurnakan oleh Timbalan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Zulkiflee Mohd Zin.

Hadir sama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ),

Datin Sapiah Haron; Pengarah Bahagian Koridor Infrastruktur dan Impak Sosial, Irmayanti Ibrahim; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MTD, Reime Rizal Abdul Aziz dan Ketua Pembangunan Hartanah MTD Properties, Wahidatul Al Fairus Wahid.

Dr. Nik Fauzan turut menyatakan bahawa MTD kini giat meneroka potensi pembangunan di kawasan lain termasuk Bangsar dan

Taman Sutera di Kajang.

"Setelah berjaya mengembangkan projek-projek ikonik di peringkat antarabangsa seperti di London, Australia dan Filipina, kini fokus kami kembali di tanah air tercinta.

"Ini sebagai sebahagian daripada visi syarikat untuk menerajui pembangunan hartanah berimpak tinggi yang mesra alam dan berorientasikan komuniti," katanya.